



INTERNATIONAL JOURNAL OF MANAGEMENT STUDIES

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ijms>

How to cite this article:

Othman, N., Latip, A. R. A., Sa'at, N. H., & Awang, N. H. (2023). Pengurusan organisasi perusahaan perikanan oleh juragan laut dalam di Malaysia. *International Journal of Management Studies*, 30(2), 523-552. <https://doi.org/10.32890/ijms2023.30.2.12>

PENGURUSAN ORGANISASI PERUSAHAAN PERIKANAN OLEH JURAGAN LAUT DALAM DI MALAYSIA

*(The Organisational Management of the Malaysian
Deep Sea Skippers' Fishing Activities)*

¹Norfatiha Othman, ²Abdul Rahman Abdul Latip,

³Nor Hayati Sa'at & ⁴Nor Hanim Awang @ Mohd Nor

^{1,2&3}Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial

Universiti Malaysia Terengganu, Malaysia

²Institut Oseanografi dan Sekitaran,

Universiti Malaysia Terengganu, Malaysia

⁴Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia

¹Corresponding author: norfatiha.othman@umt.edu.my

Received: 6/12/2021 Revised: 8/12/2022 Accepted: 1/1/2023 Published: 31/7/2023

ABSTRAK

Organisasi merupakan satu unit sosial yang mengandungi individu atau kumpulan yang mempunyai kebergantungan antara satu sama lain untuk mencapai matlamat organisasinya. Bagi memastikan sesebuah organisasi mencapai matlamat yang diinginkan, kepengurusan dalam sesebuah organisasi atau perusahaan adalah penting. Begitu juga dalam perusahaan aktiviti penangkapan ikan laut dalam yang sering dikatakan tidak tersusun dan tiada organisasi. Justeru kajian

ini bertujuan menjelaskan corak pengurusan organisasi aktiviti penangkapan ikan oleh juragan laut dalam. Kajian dilakukan di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) Semenanjung Malaysia, iaitu di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur iaitu Mersing. Responden kajian ini adalah seramai 17 orang, iaitu lima di Kelantan, tiga di Terengganu, enam di Pahang dan tiga di Mersing menerusi pendekatan kualitatif. Penemuan kajian menunjukkan juragan ini yang merupakan pengurus perusahaan mempunyai organisasi yang bersistematik dan teratur. Malah mereka boleh menyusun setiap ahli organisasi mengikut kepakaran bidang sama ada organisasi di darat mahupun organisasi di laut. Penemuan ini secara tidak langsung dapat menghuraikan kecelaruan kepada umum bahawa komuniti nelayan sebenarnya mempunyai perancangan dan pengurusan dalam menjalankan operasi tangkapan ikan.

Kata kunci: Pengurusan nelayan, organisasi perikanan, industri perikanan, juragan laut dalam.

ABSTRACT

An organisation is a social unit consisting of individuals or groups who depend on one another to achieve their organisational goals. To achieve its desired goals, managing an organisation or enterprise is important. Similarly, in the deep-sea fishing activities, the enterprise is often said to be unorganised. Therefore, this study aims to clarify the organisational management pattern of the deep-sea skippers' fishing activities. The study was conducted in Kelantan, Terengganu, Pahang, the East Coast Economic Region (ECER) of Peninsular Malaysia and Mersing, the East Coast of Johor. A total of seventeen respondents were selected from Kelantan (N=5), Terengganu (N=3), Pahang (N=6) and Mersing (N=3) for this qualitative study. The findings show that the skipper, who is a business manager, has a systematic and organised corporation. They can even operate or run the fishing business according to their expertise in either onshore or offshore organisations. These findings indirectly shed light on the public's concern that the fishing community has planning and management in carrying out fishery operations.

Keywords: Fishing activities, fishing organisation, fishing industry, deep-sea skippers, fishermen's organisation

PENGENALAN

Dalam organisasi nelayan, baik formal mahupun tidak formal, organisasi mereka banyak dicampuri orang luar misalnya orang tengah. Orang tengah menggunakan hak dan kuasa mereka untuk mengatur, mengambil bahagian dalam pembangunan dan proses membuat keputusan serta mempengaruhi hasil pengurusan perikanan nelayan (Kalikoski & Franz, 2014). Perkara inilah yang menjadi persoalan dalam kajian bahawa nelayan dalam proses transisi telah mengalami perubahan dari segi pengurusan organisasi khususnya nelayan laut dalam. Misalnya, Othman dan Sa'at (2018) menjelaskan peranan nelayan tradisional yang telah beralih kepada perikanan laut dalam muncul sebagai juragan-pengusaha. Perubahan peranan ini selari dengan perubahan mengurus dan mengorganisasikan aktiviti kelautan mereka.

Dalam kajian Othman et al. (2019), globalisasi dalam sektor perikanan secara makro menuntut nelayan untuk berperanan sebagai ketua dalam menguruskan perusahaan perikanan. Memandangkan mereka telah 'bersara' dan melepaskan tugas sebagai juragan atau ketua kapal dan berperanan sebagai usahawan maka operasi tangkapan diketuai oleh juragan-upahan. Perusahaan perikanan secara komersial memerlukan fokus dan pengurusan organisasi yang cekap untuk memastikan perusahaan berjalan tersusun. Menurut Anwar (2019), bagi meningkatkan kecekapan pekerja serta tingkat kerjasama antara nelayan pekerja dengan majikan, pembentukan organisasi nelayan yang kukuh tanpa campur tangan mana-mana pihak diperlukan. Bagi Binkley (1990), sesebuah organisasi kerja nelayan yang sistematik akan mempengaruhi cara kerja dan kepuasan kerja dalam mencapai matlamat organisasi. Justeru, untuk menjadi sebuah organisasi yang berkesan dan tidak ada campur tangan lain, ketua organisasi nelayan perlu diperkuat dari segi kemampuan mereka untuk menggunakan hak untuk mengatur, mengambil bahagian dalam pembuatan dasar dan pengurusan sumber; mengakses pasaran, dan mengurus kewangan serta infrastruktur organisasi nelayan.

Dalam konteks makalah ini, kepengurusan merujuk kepada individu yang menguruskan sesebuah organisasi bagi menggerakkan sesuatu operasi. Dalam kes kajian, operasi melibatkan aktiviti tangkapan ikan di laut dalam. Organisasi pula, merujuk kepada organisasi sesebuah

perusahaan tangkapan. Organisasi ini mempunyai matlamatnya sendiri untuk dicapai menerusi khidmat ahli organisasi yang diketuai oleh seorang pengurus. Pengurus pula adalah pemilik segala unit pengeluaran dan pemilik kepada organisasi perkapalan [tangkapan ikan]. Organisasi ini, mengambil sumber laut dan membekalkan sumber laut kepada orang ramai. Organisasi ini juga adalah satu perusahaan yang boleh diterjemahkan sebagai syarikat yang bertujuan membuat keuntungan daripada aktiviti organisasi. Organisasi ini mempunyai ahlinya iaitu pekerja yang menjalankan fungsi kepada pengurus perusahaan. Secara umumnya, pengurusan organisasi dalam kajian ini merujuk kepada kepengurusan organisasi yang diusahakan oleh juragan laut dalam. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji struktur pengurusan organisasi oleh juragan dalam mengendalikan aktiviti perikanan tangkapan.

SISTEM PENGURUSAN ORGANISASI KOMUNITI NELAYAN

Persepsi mengenai komuniti nelayan yang suka bersenang-senang dan malas bekerja serta membuang masa di pantai ataupun di kedai kopi oleh pelawat Eropah merupakan satu skeptikal yang tersalah sasar (Syed Hussein, 2016). Hal ini kerana mereka cenderung membuat andaian palsu, walhal pada waktu-waktu tersebut merupakan waktu rehat komuniti nelayan selepas aktiviti menangkap ikan. Satu lagi tanggapan yang salah ialah para nelayan tidak merancang aktiviti mereka secara tersusun, tetapi hanya berserah kepada masa. Perkara ini memanglah benar bahawa organisasinya sekitar tahun 1940-an hingga 1980-an tidak besar, dan pekerja-pekerja hanya berpuas hati apa yang ada (Othman, 2019). Akan tetapi dalam ruang lingkup organisasi mereka, perancangan dilakukan dengan cukup teliti, berhati-hati, malah melampaui beberapa bulan ke hadapan. Bekerja dalam batasan suasana semula jadi, keupayaan unit pengeluaran dan penawaran buruh yang berkemahiran terhad memerlukan mereka membuat pilihan perancangan yang lebih baik (Firth, 1990; Ishak, 1990). Mereka menggunakan buruh dan modal secara maksimum yang memberi kesan terhadap organisasi industri perikanan antaranya melihat kecenderungan relatif pengguna. Maksudnya, semasa musim tengkujuh misalnya, pengguna sanggup membeli ikan walau harga pasaran tinggi dan jika musim tangkapan, peranan harga

memainkan peranan penting untuk memastikan pemasaran efektif dan mengelakkan lambakan. Dari situ, dapat dilihat pengurusan dan perancangan memasarkan hasil tangkapan (Firth, 1990).

Bagi Wan Hashim (1990) pula, organisasi komuniti nelayan ini sebenarnya sudah sedia ada strategi perancangannya. Misalnya, di Pulau Pangkor, setiap organisasi bot telah diberi tugas-tugas tertentu kepada pekerjaanya. Sesebuah bot akan diketuai oleh taikong (juragan -- biasanya pemilik kepada bot dan perkakas) yang bertugas sebagai nakhoda kapal menentukan kawasan tangkapan. Ada juga kru yang digelar sebagai 'eka' yang ditugaskan sebagai tukang masak dan pemaklum kepada kru lain waktu operasi bot mereka. Seterusnya, penjaga enjin (*engine man*) yang diupah lebih kurang RM300 untuk mengendalikan enjin jika mengalami kerosakan atau memerlukan servis. Selain itu, angkung dan tukang tiang yang dipertanggungjawabkan untuk mencari ikan dari atas tiang bot induk, tugas ini mempunyai persamaan dengan tugas juruselam yang berperanan sebagai penyelam untuk mengetahui kedudukan kumpulan ikan untuk dipukat. Lantikan tugas sekitar tahun 1980-an di Pulau Pangkor ini menunjukkan komuniti nelayan mempunyai perancangan yang teliti terhadap aktiviti penangkapan ikan mereka walaupun organisasi tersebut tidak besar dan unit pengeluaran yang dimiliki pula terhad. Pada ketika itu, setiap rancangan yang dilakukan boleh dikatakan efektif untuk dipraktikkan oleh komuniti nelayan sebagai persediaan awal aktiviti penangkapan dan selepas aktiviti penangkapan iaitu pemasaran.

Matlamat untuk memperkukuhkan kepengurusan dan tindakan kolektif dalam sesebuah organisasi perikanan adalah sangat penting untuk meningkatkan kecekapan, meningkatkan hasil pendaratan, memastikan tiada pertindihan tugas dan secara tidak langsung aktiviti penangkapan lebih teratur dan tersusun. Sistem pengurusan yang efektif merupakan instrumen penting untuk memperjuangkan komuniti nelayan ke arah berorganisasi di samping meningkatkan daya potensi mereka dalam menyusun atur organisasi milik persendirian sebelum menguruskan organisasi atau persatuan nelayan sesama mereka (Klikoski & Franz, 2014). Selari dengan pandangan Sihombing dan Nugroho (2018), di Indonesia, kelompok nelayan merupakan kelompok yang terorganisasikan. Mereka mempunyai kumpulan tersendiri dalam mengurus aktiviti perikanan, teratur dan

setiap ahli melaksanakan peranan masing-masing untuk mencapai tujuan bersama. Dalam kelompok nelayan di Indonesia, ketua kapal akan memilih anggota yang sesuai dengan struktur organisasinya, untuk memudahkan urusan menangkap ikan dan mencapai tahap pendaratan yang ditetapkan.

Ketua organisasi tangkapan yang baik akan mengambil kira mengenai pekerja, kemahiran pekerja, tempoh masa berada di perairan, penggunaan teknologi semasa dan sistem kebajikan pekerja termasuklah upah dan tanggungjawab sosial lain kepada pekerja. Selari dengan kajian Akbar Ali dan Nor Diayana (2009) berkaitan bilangan pekerja merupakan faktor penting dalam mempengaruhi kekerapan ke laut dan jumlah tangkapan sesebuah vesel. Manakala tempoh keberadaan di perairan pula bergantung pada kecekapan ketua dan kru; dan faktor lain seperti kecukupan penyediaan bekalan minyak, kebesaran enjin dan kapasiti tangki yang dimiliki. Bagi penggunaan teknologi baharu pula, ia bergantung pada pengalaman seseorang ketua vesel dan kesanggupan untuk menerima perubahan teknologi. Lantaran itu, faktor tersebut merupakan salah satu bentuk usaha menjadi seorang ketua vesel yang berjaya dalam sesebuah organisasi perikanan.

Melalui sorotan kajian tersebut, dapatlah disimpulkan bahawa sebahagian komuniti nelayan mempunyai pengurusan yang baik dalam mengendalikan organisasi mereka. Tambahan pula, sistem ekonomi tradisional telah menganggap sektor perikanan hanyalah sebagai mata pencarian manakala sistem ekonomi kontemporari menganggap sektor perikanan sebagai perniagaan. Selari dengan peredaran masa dan perubahan teknologi, sistem pengurusan organisasi komuniti nelayan telah semakin teratur dan sistematik.

METODOLOGI KAJIAN

Paradigma Kajian

Kajian menggunakan paradigma interpretivis atau dikenali juga penyelidikan konstruktivisme (Dean, 2018). Paradigma ini membantu kajian melihat dunia melalui persepsi dan pengalaman informan (Thanh & Thanh, 2015). Tambah Bogdan dan Biklen (1998)

paradigma ini adalah realiti yang dibina secara sosial. Dalam paradigma ini, teori tidak mendahului kajian tetapi mengikutinya berdasarkan kepada data yang dihasilkan oleh penyelidikan. Data yang dikumpulkan dianalisis dengan cara selaras berasaskan teori yang digunakan (Strauss & Corbin, 1990). Justeru, penggunaan paradigma interpretivis diaplikasikan bagi menghuraikan mengenai perubahan yang berlaku kepada nelayan laut dalam khususnya dalam kepengurusan dan struktur organisasi semasa.

Pendekatan Kualitatif

Bagi menyempurnakan kajian, pendekatan kualitatif digunakan untuk mendapatkan keterangan, memberi interpretasi atau makna dalam proses temu bual. Pendekatan ini menurut Creswell dan Poth (2017), kaedah ini bermula dengan andaian, *worldview*, kemungkinan besar penggunaan lensa teoretikal yang mengkaji makna individu atau kumpulan yang menghadapi atau menimbulkan masalah. Oleh itu kajian ini menggunakan tiga teknik bagi menjalankan kajian kualitatif ini. Pertama, menggunakan kaedah persejarahan yang melibatkan tempoh masa, orang perorangan dan fenomena. Ia penting untuk melihat batas waktu dan konteks makna bagi membentuk pengetahuan lain (Porra et al., 2014). Dengan penggunaan kaedah ini informan boleh memberi refleksi terhadap sejarah hidup, tempat dan penceritaan yang melibatkan pengalaman yang dilalui mengikut tempoh masa tertentu. Informan diminta memberi refleksi mengenai sejarah hidup pekerjaan datuk dan bapa mereka dan menceritakan perjalanan karier mereka dalam bidang perikanan sehingga hari ini. Kaedah persejarahan membolehkan penyelidik memahami peristiwa lampau dengan membanding dan melihat persamaan terhadap evolusi yang dilalui dari generasi ke generasi dari aspek ekonomi, sosial, budaya, fizikal dan persekitaran yang berkaitan dengan nelayan. Kedua, kaedah kajian kes yang terfokus kepada kes transformasi juragan laut dalam yang melibatkan pertanyaan intensif tentang peristiwa, pihak atau unit sosial tertentu. Kajian ini cuba mencari tema atau cerita yang boleh membantu usaha untuk menginterpretasikan atau memahami kes untuk dicatatkan melalui pertanyaan, pemerhatian semasa lapangan (Flick et al., 2004). Naratif yang diperoleh daripada temu bual mendalam bersama informan utama (juragan) telah melalui proses pengkodan bagi mencari tema tertentu. Hal ini bertujuan untuk mengetahui secara mendalam mengenai kes yang sedang dikaji. Atas

pertimbangan tersebut, kajian dapat menghurai, menjelaskan dan meneroka kehidupan sebenar juragan dengan jelas. Ketiga, kaedah pemerhatian yang melibatkan penyelidik berperanan sebagai agen aktif dalam keadaan yang sedang dikaji. Semasa kajian lapangan, penyelidik memerhati empat perkara penting untuk dicatatkan sebagai nota lapangan. Antaranya ialah, persekitaran fizikal yang melibatkan tempat, persekitaran sosial yang melibatkan konteks sosial dan peranan individu yang terlibat, aktiviti yang berlaku (apa yang berlaku, bagaimana aktiviti berlaku) dan perkara yang kelihatan remeh tetapi mungkin penting untuk memahami situasi yang berlaku.

Lokasi Kajian dan Pensampelan

Lokasi kajian melibatkan Wilayah ECER (*East Cost Economic Region*) iaitu negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur. Wilayah ECER merupakan wilayah pembangunan ekonomi yang bertujuan meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk Pantai Timur. Pelan Induk ECER diluluskan oleh Kerajaan pada tahun 2008 sebagai asas untuk membimbing pembangunan ECER sehingga 2020. Antara daerah yang terlibat dalam kajian ialah Tumpat dan Pasir Putih di Kelantan, Kuala Besut di Terengganu, Kuantan di Pahang dan Endau-Mersing, di Johor Timur. Justifikasi pemilihan wilayah ECER adalah kurangnya tumpuan kajian lalu mengenai industri perikanan laut dalam di Pantai Timur khususnya kepada pemilik vesel C2.

Kajian membabitkan seramai 17 orang informan yang terdiri daripada juragan pemilik bot C2 di empat buah negeri. Lima orang informan di Kelantan, tiga orang informan di Terengganu, enam orang di Pahang dan tiga orang di Johor Timur. Temu bual bersama informan terhenti setelah tercapainya titik tepu. Titik tepu tercapai apabila informan memberi jawapan yang sama atau jawapan berulang seperti informan sebelum ini. Walau bagaimanapun tidak ada satu-satunya kaedah untuk mencapai ketepuan data sama ada lebih atau pun kurang. Ketepuan juga bergantung pada reka bentuk kajian yang digunakan untuk menjelaskan kajian (Fusch & Ness, 2015). Ketepuan data dicapai apabila terdapat maklumat yang mencukupi untuk menjawab persoalan kajian. Selain itu, data yang dikumpulkan juga tidak berupaya untuk mendapatkan maklumat tambahan baru (Saunders et al., 2018). Selain pertimbangan titik tepu, pertimbangan lain juga diambil kira dan menjadi syarat pemilihan informan kajian. Antaranya

kerjasama dan kesudian mereka untuk menjadi informan dan ditemu bual. Sampel yang dipilih dalam kajian ialah sampel yang sanggup meluangkan masa dan sanggup menjadi informan kajian. Jika mereka tidak bersetuju untuk ditemu bual, penyelidik akan mencari dan menggantikan dengan orang lain.

Informan dipilih melalui teknik pensampelan bertujuan dan bola salji bagi mencapai tujuan kajian. Pensampelan bertujuan merupakan pensampelan yang memenuhi ciri-ciri dan syarat kajian. Ia melibatkan penyelidik memilih sampel yang boleh dipercayai yang memberi manfaat dalam menjawab persoalan kajian. Manakala bola salji pula ialah sampel pada awalnya mengenal pasti dan diminta untuk mencadangkan sampel lain (Farrugia, 2019) yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan kehendak kajian. Bagi memastikan pemilihan informan kurang bias, kajian menggunakan senarai nama yang diberikan oleh Jabatan Perikanan negeri atau daerah untuk memastikan informan menepati ciri-ciri kajian. Daripada senarai nama tersebut, penyelidik membuat panggilan awal untuk memberitahu bakal informan mengenai tujuan kajian dan kesanggupan untuk menjadi informan. Informan yang sanggup bekerjasama dengan rela hati dijadikan sampel kajian. Manakala informan yang tidak bersetuju untuk dijadikan sampel, penyelidik menganggap itu sebagai kekangan dan batasan kajian. Unit analisis bagi kajian ini ialah (a) seorang juragan. Juragan merupakan ketua atau nakhoda dalam sesebuah bot. Juragan juga digelar sebagai tekong. Mereka mempunyai pengalaman dan kemahiran mengenai aktiviti tangkapan ikan. (b) Pernah menjadi juragan tetapi masih aktif mengusahakan bot sendiri dengan melantik juragan lain untuk bekerja di bot mereka dengan kata lain mereka masih berkecimpung dalam bidang perikanan tetapi mengupah orang lain untuk ke laut. (c) Memiliki vesel laut dalam zon C2. Bot zon C2 merupakan bot yang boleh menangkap ikan sepanjang 30 batu nautika sehingga Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) dan membawa muatan melebihi 70 GRT (*Gross Registered Tonnage*).

Pengumpulan Data

Data di kumpul menerusi teknik temu bual semi-berstruktur iaitu teknik ini memberi peluang kepada penyelidik dan juragan berkomunikasi secara dua hala. Semasa menjalankan temu bual penyelidik telah menyediakan senarai semak (soalan penyelidikan)

yang ingin ditemu bual. Senarai semak membantu penyelidik bertanya soalan yang relevan dengan bidang dan tidak terkeluar daripada tujuan kajian (Berg, 2007). Senarai semak bertujuan sebagai garis panduan memastikan temu bual berada di parameter yang betul. Soalan temu bual yang telah dibina akan dinilai semula dengan memastikan terma-terma yang digunakan difahami oleh informan.

Hal ini penting bagi memastikan proses temu bual berjalan lancar dan tidak menimbulkan masalah ketika sesi tersebut. Terma-terma yang tidak difahami semasa temu bual, penyelidik telah menukar terma tersebut ke dalam bahasa yang mudah difahami oleh juragan selagi tidak menukar maksud asal soalan. Malah, bagi memastikan juragan tidak janggal dengan soalan yang ditanya, pengkaji bertanya dalam dialek negeri masing-masing. Misalnya soalan kajian seperti berikut, *“adakah sektor perikanan pada hari ini beralih dari upstream kepada downstream?”*. Soalan seperti itu penyelidik tukar dalam dialek negeri masing-masing contohnya di Kelantan, *“Pok cik raso bide perikene hari ni beralih ke dok dari jual kecik-kecik di dale negeri, pah beralih jadi satu perniagae besar jual di luar negaro?”* atau di Terengganu seperti *“Doh pok cik rase bidang pherikanang ni beruboh ke dok dari nege dalang negeri, pah jadi nege besor pah luo?”*. Kefahaman yang baik terhadap soalan tidak akan merencatkan jawapan daripada juragan untuk memberikan penjelasan yang baik.


Purata masa temu bual seorang informan mengambil masa antara satu hingga 3 jam dengan mengikuti protokol proses temu bual yang telah ditetapkan kajian. Pertama, penyelidik menyediakan rekoder untuk merakam sesi temu bual; kedua, penyelidik membuat makluman awal melalui surat atau telefon berkaitan kajian yang dijalankan; ketiga, penyelidik membuat temu janji awal dengan informan untuk menetapkan tarikh, tempat dan masa; keempat, memastikan persekitaran kawasan temu bual selesai bagi kedua pihak dan; kelima, semasa temu bual dijalankan, penyelidik bertindak sebagai pendengar dan mengurangkan gangguan semasa informan memberi penjelasan berdasarkan soalan yang ditanya. Akhir sekali, penyelidik memastikan soalan yang ditanya adalah terus terang dan jelas untuk kefahaman informan. Jika informan kurang jelas, penyelidik menggunakan bahasa mudah dan dialek negeri berkenaan untuk memudahkan komunikasi. Penyelidik juga memastikan tiada soalan bertindih atau pelbagai laras yang ditanya kepada informan.

Analisis Tematik

Kaedah tematik merupakan salah satu kaedah yang sesuai untuk menganalisis, mengklasifikasikan tema (Braun & Clarke, 2006) yang berkaitan data kajian ini. Ia dapat menggambarkan data secara terperinci yang mempunyai pelbagai subjek kajian melalui tafsiran kajian (Maguire & Delahunt, 2017). Mengambil pandangan Stirling (2001), analisis tematik dapat diekstrakkan kepada tiga jenis tema iaitu tema asas (*basic theme*), tema organisasi (*organizing theme*) dan tema global (*global theme*). Tema asas adalah tema yang diperoleh daripada teks data. Ia merupakan sokongan terhadap kepercayaan pernyataan yang ada dalam tema organisasi. Tema organisasi pula, tema yang mengkategorikan tema asas bersama untuk merumuskan andaian tema kepada lebih abstrak dan lebih mendedahkan perkara yang sedang terjadi dalam teks. Teks di sini merujuk kepada data verbatim atau naratif kata atau sedutan kata informan. Tema ini juga berperanan meningkatkan makna dan pemahaman yang lebih luas.

Rajah 1

Pembahagian Tema Asas, Tema Organisasi dan Tema Global



Daripada tema-tema organisasi ini, idea-idea utama dapat disusun dan dapat menghurai andaian tema yang mendasari. Seterusnya,


tema global ialah tema akhir yang menyimpulkan teks. Tema ini merupakan penegasan mengenai isu atau realiti yang dikaji. Tema ini adalah makro yang merangkumkan semua mengenai tema-tema lain iaitu tema asas dan tema organisasi. Perlu dinyatakan bahawa satu set teks mungkin menghasilkan lebih daripada satu tema global, bergantung pada kekompleksan data dan tujuan analisis (Striling, 2001). Rajah 1 menunjukkan sebahagian tema asas, tema organisasi dan tema global yang diperoleh daripada kajian literatur dan disahkan semasa lapangan. Walau bagaimanapun, terdapat tema-tema baharu yang dijumpai berdasarkan pertimbangan dan pengalaman penyelidik dalam bidang kajian. Tema yang dipersembahkan dalam Rajah 1 ialah contoh tema yang telah ditemui dalam kajian dan dilaporkan sebagai hasil kajian.

PENEMUAN KAJIAN

Keupayaan merancang dan mengurus organisasi dalam kalangan nelayan khususnya pemilik vesel sebenarnya jarang diperkatakan. Malah pemilik vesel yang merupakan komuniti nelayan ini sering dianggap komuniti yang malas, bebas dan tidak tersusun dalam menentukan hala tuju aktiviti pekerjaan mereka. Namun begitu, sangkaan tersebut tersalah sasar jika ditujukan kepada pemilik vesel laut dalam ini. Pemilik vesel ini mempunyai perancangan dan struktur organisasi lengkap dalam ruang lingkup kemampuan mereka sendiri bagi menentukan hala tuju perusahaan mereka. Perlu ditekankan bahawa, pemilik vesel dalam kajian ini merupakan pemilik vesel laut dalam yang menjalankan aktiviti tangkapan melebihi 30 batu nautika dari pantai sehingga sempadan antarabangsa. Apa yang dimaksudkan dengan pengurusan organisasi ialah kaedah atau metode yang digunakan untuk menggembelng usaha menyusun atur syarikat perikanan mereka supaya berjalan lancar. Penting untuk sesebuah organisasi vesel laut dalam merancang dan menentukan operasi syarikat sama ada dari segi struktur syarikat, tenaga buruh, masa dan tempoh operasi, peranan dalam kalangan ahli organisasi dan pengurusan hasil tangkapan. Perkara tersebut dapat memastikan kegiatan perikanan terutamanya pengeluaran hasil syarikat memberangsangkan setiap kali pendaratan.

Rajah 2

Organisasi Pemilik Vesel



PENGURUSAN STRUKTUR ORGANISASI PERUSAHAAN PERIKANAN

Organisasi sesebuah perusahaan perikanan diketuai oleh pengurus iaitu pemilik vesel dan unit pengeluaran. Seterusnya, kajian mengklasifikasikan struktur organisasi perusahaan perikanan laut dalam terdiri daripada dua bahagian. Pertama, organisasi bahagian laut atau pun bahagian tangkapan manakala kedua-dua organisasi darat atau pun bahagian pentadbiran (lihat Rajah 2).

Organisasi Laut

Organisasi laut merupakan bahagian yang dibentuk untuk menjalankan kerja-kerja operasi menangkap ikan. Bahagian ini terdiri daripada juragan dan kru-kru vesel. Tugas juragan adalah untuk mengetuai operasi tangkapan sebagai pengemudi kapal. Manakala tugas kru pula dibahagikan mengikut kepakaran yang dimiliki. Misalnya mengawal sistem teknologi maklumat seperti GPS, *eco sounder*, *fish finder*, sonar, radio telekomunikasi dan alatan lain. Terdapat juga juruenjin yang perlu memastikan enjin dalam keadaan baik, pergi dan pulang ke darat, jurupukat yang mengawal sistem pukut dan kru yang mengawal sisi kanan dan kiri vesel. Oleh sebab tugas-tugas dalam sesebuah vesel memerlukan kepakaran yang berlainan, kru yang dilantik mestilah mempunyai kebolehan melakukan kerja dengan baik. Perlu dinyatakan bahawa, pemilik vesel dalam kajian merupakan juragan atau bekas juragan yang mempunyai pengalaman beroperasi melebihi lima tahun di laut dalam. Kini, sebahagian mereka telah berhenti menjadi juragan dan hanya menjalankan urusan pentadbiran di darat. Oleh itu, ketua kapal dilantik dan diupah untuk menggantikan mereka yang dikenali sebagai juragan-pekerja. Juragan-pekerja mengambil alih tugas pengurus atau pemilik vesel yang sebelum ini menjadi juragan dan dibayar upah mengikut persetujuan. Perlu ditegaskan bahawa juragan-pekerja ini tidak memiliki unit pengeluaran, mereka hanya mengambil upah mengemudi vesel laut dalam sahaja berbeza dengan juragan-pemilik yang memiliki unit pengeluaran dan juga mempunyai kemahiran dalam mengemudi bot laut dalam.

Organisasi Darat

Organisasi darat pula terdiri daripada kerani, dagangan dan buruh jeti. Mereka menguruskan urusan hasil tangkapan di pelabuhan dan syarikat. Kerani dilantik untuk tujuan mengurus, mencatat

dan merekodkan urusan keluar masuk berkaitan pendaratan ikan, kewangan syarikat, urusan jual beli hasil, bilangan trip, belanja operasi dan hal-hal lain yang berkaitan dengan pengurusan. Biasanya, kerani dilantik dalam kalangan ahli keluarga. Walau bagaimanapun, bagi memastikan urusan pemfailan syarikat efektif dan cekap, kerani yang dilantik mestilah mempunyai pengalaman dan kemahiran pengurusan yang baik. Mereka terdiri daripada bekas pelelong atau dagangan yang diupah untuk dijadikan kerani dan dibayar bulanan. Kerani terdiri daripada lelaki dan wanita. Di Tok Bali, Kelantan dan Endau-Mersing, Johor terdapat juga kerani wanita yang dilantik untuk menguruskan syarikat. Selain kerani, dagangan juga merupakan orang penting dalam sesebuah syarikat perikanan yang ditugaskan untuk menjual hasil tangkapan. Dagangan merupakan kelompok yang mempunyai pengalaman yang luas dalam memasarkan hasil tangkapan kerana mereka ialah bekas peraih atau orang tengah yang mempunyai jaringan sosial yang luas dengan pembeli atau pendorong ikan. Mereka dibayar berdasarkan peratus ikan yang berjaya dijual antara tiga hingga lima peratus daripada hasil jualan. Namun begitu, terdapat sesetengah pengusaha perikanan tidak melantik dagangan untuk menjual hasil tangkapan disebabkan mereka menguruskan sendiri pemasaran hasil tangkapan.

Seterusnya, buruh jeti atau pekerja jeti pula ditugaskan sebagai penggredan hasil tangkapan. Sebaik sahaja pendaratan ikan berlaku, buruh jeti akan menjalankan tugas mereka untuk menggredkan ikan kepada kelas. Ikan yang digredkan, misalnya gred A akan dieksport keluar negara, gred B dihantar ke luar negeri dan gred C dipasarkan di sekitar dan dalam negeri. Buruh jeti ini dibayar secara harian antara RM15 hingga RM30 sehari. Kajian mendapati majoriti buruh jeti ini terdiri dalam kalangan wanita tempatan yang tinggal di kawasan sekitar pelabuhan. Mereka biasanya isteri nelayan pesisir yang ingin mencari pendapatan tambahan untuk keluarga. Pengorganisasian syarikat bertujuan memastikan hasil tangkapan dan penyelenggaraan unit pengeluaran diurus secara sistematik dan efisien. Pembahagian tugas mengurangkan pertindihan beban kerja antara pekerja. Justeru, penggunaan tenaga buruh mengikut spesifikasi kerja membolehkan sesuatu tugas dilakukan secara sistematik.

Pengurusan Tenaga Buruh

Tenaga buruh dalam sektor perikanan ialah penggerak kepada kerja-kerja yang menghasilkan produktiviti khususnya sumber tangkapan.

Walau bagaimanapun tenaga buruh lain juga seperti dalam sektor pengurusan perikanan juga penting untuk memastikan sistem pentadbiran berjalan lancar. Seperti yang telah dinyatakan dalam struktur organisasi, tenaga buruh dalam industri perikanan khususnya di wilayah ECER terdiri daripada juragan-pekerja, kru, kerani, dagangan dan buruh jeti. Perkara yang dibincangkan mengenai tenaga buruh adalah berkaitan dengan pengambilan atau lantikan, pemecatan atau berhenti dan pembayaran upah.

Pengambilan Tenaga Buruh


Biasanya pemilik vesel akan mencari pekerja yang mempunyai kepakaran tinggi untuk bekerja dalam organisasi mereka. Juragan-pekerja majoritinya merupakan warganegara asing misalnya dari Vietnam, Thailand, Indonesia dan sebilangan kecil warga tempatan di Pahang. Mereka mempunyai keupayaan mengemudi vesel laut dalam dengan kaedah tertentu dan memiliki pengetahuan yang tinggi mengenai kawasan operasi tangkapan. Lantikan mereka biasanya dibuat berdasarkan jaringan sosial yang telah dibina oleh pemilik vesel dengan rakan di negara terbabit. Cadangan pemilihan yang disyorkan oleh rakan mereka dianggap terbaik dan diterima untuk bekerja di dalam bot. Juragan-pekerja yang diambil bekerja ditanggung sepenuhnya oleh pemilik vesel dari segi passport, buku pelaut (*seaman book*), pemeriksaan kesihatan, wang pendahuluan dan sesetengah pemilik vesel menyediakan persalinan pakaian untuk pekerja mereka.

Seterusnya, pengambilan kru pula diserahkan kepada juragan-pekerja (lihat Rajah 3). Hal ini kerana, bagi memastikan operasi tangkapan tidak menimbulkan sebarang masalah semasa bekerja di atas kapal. Antaranya, kru yang tidak dipilih oleh juragan-pekerja [sebagai ketua kapal] dapat menimbulkan ketidaksefahaman antara mereka. Berkemungkinan kru cenderung untuk tidak mendengar arahan ketua kapal. Implikasinya timbul ketegangan dalam sesebuah organisasi vesel. Seterusnya, dapat menjejaskan operasi tangkapan dan kapal tidak dapat turun ke laut akibat kekurangan krew. Oleh yang demikian, bagi memastikan kru yang dipilih ‘sekepala’ dengan kehendak juragan-pekerja, pemilik vesel memberi peluang kepada mereka untuk melantik sendiri kru-kru yang bakal bekerja dengan mereka. Kru juga merupakan warganegara asing yang juga kos mereka ditanggung oleh pemilik vesel. Pada tahun 1985 Jabatan Perikanan Malaysia telah

membenarkan penggunaan kru asing ke atas bot laut dalam mengikut syarat yang telah ditetapkan. Dengan nisbah 30:70, iaitu 30 peratus kru tempatan dan 70 peratus kru asing, vesel laut dalam dengan berat tan berdaftar sesebuah bot mestilah melebihi 70 GRT. Memandangkan industri perikanan Malaysia menghadapi masalah kekurangan tenaga buruh yang serius, maka kerajaan terpaksa mengambil tenaga buruh luar untuk berkhidmat dengan vesel laut dalam.

Rajah 3

Cara Pemilihan Ketua Bot dan Kru



Tambahan pula, faktor minat dan risiko yang perlu dihadapi dalam perikanan laut dalam, tenaga kerja muda memilih kerjaya lain seperti di sektor perkilangan dan perkhidmatan. Oleh yang demikian, kru asing terpaksa digunakan untuk menghidupkan industri perikanan Malaysia. Menurut Pok Yi yang merupakan pemilik vesel C2 dari Tumpat, Kelantan, pengambilan kru sebenarnya ditanggung oleh pihak juragan-pengusaha sepenuhnya. Menurut beliau:

“sedio blako, mudoh-mudoh dio mari gak, duduk atas bot tu, start daripada dio duduk tu, semua belanjo dikiro

atas bot, misalan kato dio nok jadi pelaut Malaysia, dio keno mitok kebenaran pas pelaut negaro dio, hok tu keno habis belanja dalam 200 riyal sore, pun dikiro atas ni lagi, atas belanja lagi....”

Dalam bahasa Melayu baku, ia bermaksud:

“sedia semua, senang je mereka datang, mula dia duduk tu, semua belanja di kira atas bot, misalan dia nak jadi pelaut Malaysia, dia perlu minta kebenaran pas pelaut negara dia, yang tu kita kena habis belanja dalam 200-ringgit seorang, pun dikira atas perbelanjaan bot lagi...”

(*Sumber*: Kajian lapangan 2017 temu bual bersama Pok Yi)

Bagi tenaga buruh dalam organisasi pengurusan iaitu kerani, dagangan dan buruh jeti, biasanya dilantik dalam kalangan kenalan dan orang yang terdekat. Kerani yang bertugas mendokumenkan dan mencatat segala perjalanan keluar masuk hasil tangkapan majoritinya ialah saudara-mara atau kawan terdekat. Dagangan pula daripada kalangan pemborong dan peraih ikan yang dibayar upah oleh pemilik vesel untuk menjual hasil tangkapan. Manakala buruh jeti pula bukanlah orang yang sama setiap hari. Penduduk sekitar dalam kalangan apa pun boleh mengambil upah untuk menggredkan ikan. Walau bagaimanapun terdapat juga orang yang sama setiap hari yang sanggup bekerja untuk mendapatkan wang tambahan. Kajian mendapati pengambilan tenaga buruh telah berubah dari semasa ke semasa kerana sekitar tahun 1940-an sehingga 1980-an, tenaga buruh kebiasaannya dilantik dalam kalangan keluarga dan saudara terdekat. Namun begitu, tenaga buruh diambil dari pelbagai negara dan status asalkan mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam bidang kelautan. Tenaga buruh yang kompeten menjamin kelangsungan pengeluaran produktiviti tangkapan yang berskala besar untuk sesebuah organisasi.

“...dia jaga ikan macam itu kerani la, catat semua dan urus jual beli dengan itu customer yang dia banyak kenal dari saya la...”

(*Sumber*: Kajian Lapangan 2017 temu bual bersama Ah Sen)

Turun Naik Bilangan Buruh

Tenaga kerja yang diambil boleh diberhentikan oleh majikan. Terdapat juga kes yang lari atau berhenti tanpa notis. Seseorang kru boleh dibuang kerja sekiranya mempunyai masalah dalam organisasi operasi tangkapan. Misalnya tidak memberi kerjasama kepada juragan-pekerja, mempunyai sikap malas, mempunyai masalah sosial lain seperti ketagihan dadah dan mencuri duit ahli lain. Manakala seseorang juragan-pekerja boleh dikenakan tindakan berhenti apabila tidak berlaku adil terhadap pembahagian upah atau gaji, didapati menjual hasil tangkapan di tengah laut dan mempunyai masalah sikap iaitu suka menipu pemilik vesel mengenai hasil tangkapan. Berdasarkan masalah tersebut, turun naik bilangan buruh bergantung pada sikap tenaga kerja. Selain itu, masalah kerosakan vesel juga memberi impak kepada tenaga kerja apabila mereka beralih kepada vesel lain untuk mendapatkan pekerjaan dan upah. Perkara ini turut menjejaskan organisasi kerana perlu mencari tenaga kerja baharu untuk berkhidmat. Pencarian ini mengambil masa dan merugikan syarikat.

Pembayaran Upah Buruh

Upah buruh termasuklah juragan-pekerja, kru dan organisasi darat telah ditetapkan semasa perjanjian pengambilan bekerja. Organisasi darat iaitu kerani dibayar bulanan seperti yang telah ditetapkan oleh pemilik vesel atau bergantung pada tugas-tugas khas yang diberikan kepada mereka. Pelelong pula dibayar mengikut jumlah hasil tangkapan yang berjaya dijual. Sekiranya hasil tangkapan banyak, dan jualan memberangsangkan pada hari tersebut, upah yang diperoleh juga banyak. Manakala buruh jeti tidak mempunyai upah tetap dan bergantung pada kemurahan hati pemilik vesel untuk membayar mereka setiap hari jika ada hasil tangkapan.

Seterusnya, pembayaran upah tenaga buruh laut iaitu juragan-pekerja dan kru kapal pula mengikut perjanjian semasa persetujuan kerja. Ikatan perjanjian untuk bayaran upah kru dilakukan hanya dengan juragan-pekerja sebagai wakil menerusi kesepakatan dengan kru lain. Biasanya, kru lain secara automatiknya bersetuju dengan ikatan perjanjian tersebut. Hal ini kerana kru yang bekerja dipilih oleh juragan-pekerja tersebut yang majoritinya ialah kenalan semasa

di negara mereka. Upah biasanya dibayar setahun sekali atau enam bulan sekali atau setiap kali pendaratan. Hal ini bergantung kepada perjanjian yang telah dibuat semasa mula-mula bekerja. Juragan-pekerja bertindak sebagai orang tengah kepada pemilik vesel dengan kru bot lain. Upah kru akan diberikan kepada juragan-pekerja untuk diagihkan kepada kru bot mengikut bidang tugas masing-masing.

Melalui sistem panggu, pembayaran upah terbahagi kepada tiga. Pertama, pendapatan dibahagi dua iaitu separuh untuk pemilik vesel dan separuh lagi untuk pekerja iaitu dengan nisbah 50:50 iaitu dipanggil 'sistem bahagi dua'. Kedua, pendapatan dibahagi dengan tiga bahagian, iaitu bahagian pemilik vesel dan bahagian vesel; pukat; dan bahagian pekerja. Ketiga pula, pembahagian berdasarkan nisbah 70:30 iaitu pemilik 70 peratus dan 30 peratus pekerja. Kebanyakan pemilik mengaplikasikan sistem pembahagian pertama yang lebih adil bagi menjaga dan memastikan pengekalan kru untuk terus bekerja. Sistem kedua, banyak digunakan di Pahang dan sesetengah pemilik vesel di Kelantan. Manakala sistem ketiga digunakan oleh pemilik vesel di daerah Tumpat, Kelantan. Jika sistem ketiga digunakan, semua perbelanjaan dan kerosakan ditanggung oleh pemilik vesel. Kru mendapat upah bersih dan tidak perlu membayar sebarang kos operasi atau kos lain. Sementara itu, jika sistem pembahagian pertama dan kedua digunakan, pemilik dan kru sama-sama menanggung kos penyelenggaraan kapal.

Selepas pembahagian ditetapkan, jumlah pendapatan bersih yang diterima oleh tenaga buruh, dibahagikan oleh juragan-pekerja kepada kru mengikut kepakaran bidang masing-masing. Juragan-pekerja merupakan penerima upah paling tinggi, diikuti juru enjin dan krew-kru lain mengikut tugas yang dilakukan. Pembahagian upah yang adil dan saksama kepada kru mengelakkan timbulnya sebarang bentuk penentangan antara mereka yang mana akhirnya menimbulkan masalah kepada pemilik vesel (rujuk Rajah 4).


“Upah ni dibayar berdasarkan persetujuan daripada kru semasa mereka bersetuju untuk bekerja dengan kita. Biasanya enam bulan sekali atau setahun sekali lah. Tapi tidak berlaku macam tu, sebab mereka ni suka berhutang, jadi hasil pendapatan mereka akan ditolak bila dapat upah lah, mereka nak bagi pada keluarga la, nak belanja

la nak buat macam-macam la, kita bagi je sebab takut nak guna bila terdesak, tapi mereka ni khianat kita, dapat duit, mereka lari, lepas tu datang balik, memang kita tak ambik semula dah, dia kena cari majikan lain la”

(Sumber: Kajian lapangan 2017 temu bual bersama Pok Sin)

Rajah 4

Pembayaran Upah Buruh



Pengurusan Penggunaan Masa dan Alat Tangkapan dalam Menangkap Ikan

Pengurusan Masa: Bilangan Hari, Bilangan Trip dan Jumlah Tangkapan

Operasi vesel laut dalam berbeza dengan vesel pesisir pantai dari segi bilangan hari, bilangan trip, jumlah tangkapan, jenis tangkapan dan alat tangkapan. Umumnya, vesel laut dalam mengambil masa paling

minimum untuk beroperasi ialah 3 hari bekerja sehingga sebulan. Jumlah bilangan hari bekerja ditentukan oleh bekalan minyak diesel, bekalan makanan, kawasan tangkapan dan keadaan cuaca serta laut. Bilangan trip juga bergantung pada berapa lama operasi tangkapan sebelum ini. Sekiranya, hari operasi singkat, maka bilangan trip lebih dua hingga tiga kali sebulan. Melainkan bilangan hari operasi melebihi 14 hari dalam sebulan, maka bilangan trip dalam sebulan adalah dua kali. Walaupun bilangan kekerapan jumlah hari operasi dan jumlah trip adalah tinggi, jumlah tangkapan yang diperoleh tidak dapat dijangka. Hal ini berkaitan dengan penemuan lubuk ikan atau hari nasib baik. Hasil tangkapan yang banyak dan tidak terjangkau memendekkan masa operasi kerana sesebuah vesel mempunyai muatan tertentu yang telah ditetapkan. Terdapat juga operasi melebihi dua minggu, namun hasil tangkapan sedikit dan tidak pulang modal.

Alat Tangkapan dan Penyelenggaraan Vesel

Operasi tangkapan juga bergantung kepada jenis pukat yang digunakan. Terdapat dua jenis pukat yang digunakan iaitu pukat tunda dan pukat jerut. Pukat tunda hanya memerlukan antara lima hingga lapan orang kru untuk bekerja dalam sesebuah vesel manakala bagi pukat jerut, memerlukan lebih ramai tenaga kerja antara 15 orang hingga 30 orang kru dalam satu masa. Pukat tunda dilabuhkan di dalam laut dan dibiarkan seketika, sementara pukat tunda yang lain dilabuhkan di tempat lain. Begitulah seterusnya sehingga pukat tunda yang dibawa habis dilabuhkan. Berbeza bagi pukat jerut, operasi pukat jerut laut dalam memerlukan kru yang ramai untuk melabuhkan pukat, menarik pukat naik ke atas bot dan menjerut pukat. Justeru, jumlah pengambilan kru bergantung pada pukat yang digunakan.

Seterusnya, alat tangkapan lain yang penting digunakan dalam vesel zon C2 ini ialah alatan teknologi yang memberi kemudahan kepada mereka ketika operasi menangkap ikan. Alatan teknologi tersebut adalah, GPS yang menggantikan kompas suatu ketika dahulu [1940-1970an] sebagai petunjuk arah; *echo sounder* yang bertujuan mendengar bunyi kumpulan ikan; sonar untuk mengenal pasti kelompok ikan, *Mobil Tracking Unit* (MTU), sebagai alat untuk mengesan kedudukan vesel di tengah laut, robot penarik pukat, radio telekomunikasi untuk perhubungan antara bot di laut dan darat dan peti sejuk beku yang moden. Kesemua alat tersebut diperlukan dalam

operasi tangkapan ikan laut dalam bagi mengurangkan risiko dari segi terputus hubungan, karam atau dirompak oleh lanun. Justeru, pengurusan bagi alat ini penting supaya keadaan alat sentiasa berada dalam keadaan baik dan berfungsi.


Bagi penyelenggaraan vesel pula (lihat Rajah 5), bergantung pada cara pembahagian upah kepada pekerja laut. Jika upah dibahagi dua, kos penyelenggaraan ditanggung oleh kedua-dua pihak. Manakala jika upah dibahagi 70:30 atau telah ditolak awal sebelum pembahagian upah, kos penyelenggaraan ditanggung oleh pengusaha sahaja. Walau bagaimanapun, dalam kes kajian, kebanyakan pengusaha menanggung sendiri kos bagi menjaga pekerja-pekerja laut supaya kekal bekerja untuk jangka masa yang lama di vesel mereka. Kos pengurusan vesel ini termasuklah, tukar minyak hitam, kerosakan enjin, kebocoran vesel dan servis setiap kali operasi penangkapan.

“secara mudahnya, kos pengurusan alat pengeluaran memang kita akan keluarkan kos, ini kerja kita, syarikat kita, mereka hanya bekerja, melainkan rakan kongsi atau kita hanya mengurus vesel milik orang lain”

(Sumber: Kajian lapangan 2017 temu bual bersama Pok Dir)

Rajah 5

Penyelenggaraan Vesel



Pengurusan Hasil Tangkapan

Pengurusan hasil tangkapan adalah cara pemasaran dan corak agihan hasil yang dilakukan oleh pengusaha perikanan. Dalam kes kajian ada beberapa kaedah yang digunakan untuk menguruskan pemasaran hasil tangkapan. Pertama, dengan mengambil dagangan atau pekelong; dan kedua, menjual sendiri. Jika seseorang pengusaha menggunakan khidmat dagangan atau pekelong, maka menjadi tanggungjawab pekelong untuk memasarkan hasil tersebut sehingga habis. Upah dibayar berdasarkan jumlah jualan pada hari tersebut. Manakala, jika pengusaha menjual sendiri, hasil sepenuhnya diperoleh kepada mereka.

Corak agihan hasil pula, terdiri beberapa cara, antaranya menjual terus dari jeti atau pelabuhan, menjual di kawasan dalam daerah dan sekitar negeri, menjual di luar negeri, mengeksport ke luar negara dan memproses hasil tangkapan kepada bahan mentah. Di Kelantan, majoriti pengusaha mengeksport hasil tangkapan ke Songkla dan Pattani, Thailand, malah ada juga yang mengeksport ke Jepun menerusi Thailand. Di Terengganu pula, kebanyakan pengusaha menjual di Tok Bali disebabkan mereka mendaratkan ikan di situ. Hal ni kerana pelabuhan Tok Bali merupakan pelabuhan terdekat untuk mendarat. Tambahan pula, pelabuhan Chendering yang mengalami, pasang surut air yang tidak menentu, menyebabkan vesel tidak dapat masuk ke kuala. Berbeza di Pahang, agihan hasil tangkapan dijual dalam negeri sahaja melainkan ikan baja yang dihantar ke Endau, Mersing. Di Endau pula, pengusaha mengagihkan hasil kepada beberapa bahagian iaitu, bahagian eksport, bahagian penjualan dalam negeri dan luar negeri; bahagian jualan sendiri serta bahagian pemprosesan. Mereka mengeksport ikan ke Singapura, walau bagaimana pun, eksport telah berkurangan akibat negara kekurangan sumber ikan. Jualan sendiri bermaksud, mereka mengambil sebahagian hasil untuk dijual di pasar raya milik mereka bagi menjamin kualiti dan kesegaran ikan. Seterusnya, sebahagian lagi diproses menjadi filet ikan, *fish meat*, bebola ikan, dan produk berasaskan sumber laut lain.

PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, makalah ini dapat menjelaskan kecelaruan mengenai pengurusan organisasi komuniti nelayan terutamanya

dari segi struktur organisasi, tenaga buruh, pengurusan masa dan alatan tangkapan serta pengurusan pemasaran hasil. Hal ini seperti pandangan Cornell C dan Jude (2015) organisasi dianggap sebagai sistem yang mempunyai bahagian bersepadu yang mesti diselaraskan untuk mencapai kecekapan dan keberkesanan. Dapatan kajian juga mendapati bahawa komuniti nelayan mempunyai strategi mereka sendiri untuk mengorganisasikan sistem pekerjaan mereka. Perkara ini dapat dilihat menerusi pembahagian kerja kepada setiap pekerja mereka sama ada pekerja darat mahu pun pekerja laut. Mereka diberi tugas khusus mengikut kepakaran dan kemahiran yang dimiliki. Ini menunjukkan cara kerja yang diamalkan bersistematik dan tersusun.

Dari segi pengurusan buruh pula, mereka mempunyai taktik tersendiri untuk mengambil pekerja yang berkualiti. Pendekatan jaringan sosial yang digunakan untuk memilih pekerja merupakan satu kaedah yang boleh dikatakan berkesan untuk memiliki pekerja yang berkemahiran. Pendekatan ini adalah pendekatan menggunakan rakan di luar negara untuk memilih khususnya kru kapal yang mempunyai kemahiran dalam aktiviti kelautan. Seterusnya, untuk memastikan kru kekal, mereka menjaga kebajikan sosioekonomi misalnya menanggung kos makan minum, memberi pendahuluan upah dan sesetengah pengusaha memberi pakaian serta mengambil berat hal keluarga pekerja mereka. Selain itu, bonus setiap kali pendaratan juga diberikan kepada pekerja mereka.

Pekerjaan sebagai nelayan sudah tentunya tidak mempunyai masa khusus seperti waktu pejabat. Namun, dalam konteks pekerjaan nelayan, masa mereka bergantung pada muatan sesebuah vesel. Jika vesel telah penuh, mereka akan pulang awal untuk mendaratkan ikan, seterusnya meneruskan trip berikutnya. Aspek keselamatan juga menjadi perkara utama apabila berada di laut, justeru, mereka perlu pulang mendaratkan ikan walau pun mereka beroperasi di kawasan lubuk ikan. Seterusnya, walaupun penggunaan teknologi moden menelan kos yang tinggi, tambahan pula polisi perikanan yang menitik beratkan keselamatan nelayan dan vesel, mereka terpaksa akur dan bersetuju untuk menggunakan teknologi tersebut dalam vesel.

Pengurusan hasil tangkapan pula, bergantung pada permintaan tinggi dan siapa yang menawarkan harga yang lebih tinggi. Pengusaha akan cenderung memasarkan hasil kepada kawasan atau pembeli yang

memudahkan mereka, menawarkan harga tinggi dan mengurangkan kos pemasaran mereka. ini merupakan strategi untuk meningkatkan jualan dan mendapatkan keuntungan dengan mengurangkan kos yang perlu ditanggung oleh perusahaan.

Penemuan penting menunjukkan juragan ini yang merupakan pengurus perusahaan mempunyai organisasi yang bersistematik dan teratur. Malah mereka boleh menyusun setiap ahli organisasi mengikut kepakaran bidang sama ada organisasi di darat mahupun organisasi di laut. Komuniti nelayan sebenarnya mempunyai perancangan dan pengurusan dalam menjalankan operasi tangkapan ikan. Malah mereka bergantung antara satu bahagian dengan bahagian lain dalam struktur organisasi. Hal ini dalam pendekatan teori sistem pengurusan, ia dilihat sebagai landasan pengembangan organisasi, iaitu memandang organisasi sebagai sistem terbuka yang terdiri daripada bahagian-bahagian yang saling berkaitan dan bergantung yang berinteraksi dengan subsistem (Gordon 2021). Sebagai contoh, perusahaan perikanan (syarikat perikanan) ialah sistem yang terdiri daripada subsistem seperti organisasi laut dan organisasi darat dan bahagian-bahagian lain dalam kedua-dua organisasi tersebut. Oleh itu, kepengurusan organisasi oleh juragan laut dalam terbukti tersusun, sistematik, teratur, terancang dan dinamik.

IMPLIKASI KAJIAN

Oleh sebab isu utama yang membelenggu pengusaha perikanan laut dalam ini ialah kekurangan tenaga buruh laut iaitu kru vesel, maka penyelidik mencadangkan, setiap pengusaha perlu membuat satu perjanjian bertulis kepada semua kru yang ingin berkhidmat memandangkan dalam kes kajian ini majoriti pengusaha hanya membuat 'perjanjian mulut' [perjanjian tanpa bertulis, hanya menyatakan syarat melalui mulut] sahaja, kru bebas untuk keluar masuk. Bagi merealisasikan hal ini, semua pengusaha perlu membuat perkara yang sama sebelum bersetuju mengambil pekerja. Kru khususnya perlu menandatangani perjanjian dan sekiranya melanggar perjanjian tersebut, mereka tidak akan diterima semula untuk bekerja di kawasan berkenaan. Salah satu halangan yang bakal dihadapi oleh pengusaha jika membuat perjanjian bertulis ini ialah kebarangkalian untuk kru bekerja dalam vesel adalah tipis dan kru akan mencari

pengusaha lain. Namun begitu, hal ini dapat diatasi sekiranya ada keistimewaan tertentu yang ditawarkan oleh pengusaha misalnya memberi bonus kepada pekerja yang setia, menjaga kebajikan sosial dan ekonomi terutamanya makan dan minum, kesihatan, menjalin hubungan yang erat dan menganggap pekerja sebagai keluarga. Tawaran ini akan menarik minat kru untuk mendapatkan manfaat yang ditawarkan oleh pengusaha perikanan.

Dari sudut teoritikalnya pula, hasil kajian ini dapat menjelaskan kecelaruan konsep berkaitan dengan pengurusan organisasi nelayan. Kajian ini membuktikan bahawa, stereotaip masyarakat terhadap komuniti nelayan yang tidak terurus dan tidak mempunyai struktur organisasi dalam pekerjaan adalah kurang tepat. Tidak semua individu atau kumpulan nelayan tidak tahu mengurus tata kelola organisasi mereka.

KESIMPULAN, LIMITASI KAJIAN, DAN CADANGAN KAJIAN MASA HADAPAN

Dapatan ini secara tidak langsung memberi gambaran sebenar mengenai pengurusan organisasi pemilik vesel laut dalam khususnya semakin sistematik dan tersusun. Sebenarnya, pengurusan organisasi nelayan mengambil masa lambat iaitu kurang lebih enam dekad untuk menjadi sebuah perusahaan dengan mempunyai struktur dan hierarki mengikut pembahagian tugas di subsistem yang dipertanggungjawabkan. Dengan adanya organisasi dan penubuhan syarikat perusahaan perikanan secara berdaftar, mereka telah mula menghubungkan kapabiliti pekerja dengan bahagian-bahagian yang sesuai dengan kepakaran. Transformasi yang berlaku menyebabkan kemunculan satu kumpulan tertentu dalam industri perikanan laut dalam iaitu kumpulan juragan kapal yang memiliki unit pengeluaran bertaraf komersial dan memiliki organisasi perkapalan. Kumpulan ini digelar sebagai juragan-pengusaha. Kejayaan juragan-pengusaha mengemudi organisasi disumbangkan oleh sinergi, saling berhubung dan bergantung antara subsistem yang berbeza dalam organisasi. Hal ini kerana seseorang usahawan perlu mempunyai dimensi orientasi keusahawanan seperti inovatif, proaktif, pengambil risiko, memiliki autonomi dan mempunyai sifat kompetitif. Ciri-ciri ini telah dimiliki oleh juragan-pengusaha dalam menguruskan organisasi perikanan untuk menghadapi persaingan di industri perikanan.

Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai limitasinya. Antaranya, dari segi geografi atau kawasan kajian yang dilakukan di empat buah negeri iaitu Kelantan, Pahang, Terengganu dan Mersing, Johor. Selain itu, bilangan responden juga melibatkan 17 orang sahaja menerusi pendekatan kualitatif. Dicadangkan agar kajian akan datang meluaskan lagi kawasan kajian misalnya ke Pantai Barat untuk melihat perbezaan corak pengurusan organisasi juragan-pengusaha supaya lebih dinamik. Juga, kajian boleh dilakukan menerusi pendekatan kuantitatif atau kaedah campuran untuk menghasilkan data yang bervariasi dan kaya dengan analisa berkaitan juragan dan pengusaha.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini dibiayai oleh Talent and Publication Enhancement-Research Grant (UMT/PPP/TAPE-RG/55280)

RUJUKAN

- Akbar Ali., & Nor Diyana Sohor. (2009). Analisis faktor yang mempengaruhi hasil tangkapan ikan: Kajian kes di perairan Sabak Bernam, Selangor. *Prosiding PERKEM*, 1(2009), 286-304.
- Anwar, R. P. (2019). An analysis of formation of a voluntary indonesian migrant fisherman organization and its roles in combatting poor working conditions in South Kore Fishery Industry. *Contemporary Society and Multiculture*, 9(1),71-106.
- Berg, B. L. (2007). *Qualitative research methods for social science*. Pearson.
- Binkley, M. (1990). Work organization among Nova Scotian offshore fishermen. *Human Organization*, 49(4), 395-405.
- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (2007). *Qualitative Research for Education: An introduction to theories and methods*. Pearson.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*. Edward Arnold Ltd, 3:77-101
- Cornell, C. C., & Jude, N. (2015). The systems theory of management in modern day organisation – A study of aldgate congress resort limited port harcourt. *International Journal of Scientific and Research Publications*, 5(9), 1-7

- Creswell, J. W., & N. Poth, C. (2017). *Qualitative inquiring research design: choosing among five approaches* (Edisi ke-4). Sage Publication.
- Dean, B. A. (2018). The interpretivist and the learner. *International Journal of Doctoral Studies*, 3(1-8). <https://doi.org/10.28945/3936>
- Farrugia, B. (2019). WASP (Write a scientific paper): Sampling in qualitative research. *Early Human Development*, 133(69-71).
- Firth, R. (1990). *Nelayan Melayu: Ekonomi tani mereka*. Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Flick, U., Kardoff, E., & Steinke, I. (2004). *A companion to qualitative research*. Sage Publications.
- Fusch, P. I., & Ness, L. R. (2015). Are we there yet? Data saturation in qualitative research. *The Qualitative Report*, 20(9), 1408-1416.
- Gordon, J. (2021). What is the systems approach to management? The business professor. <https://thebusinessprofessor.com/management-leadership-organizational-behavior/systems-theory-of-management>
- Idris Osman, Fauziah, N., Idaya, H. M., & Koe, W. L. (2018). The role of entrepreneurial orientations in talent retention amongst Malaysian engineers. *International Journal Management Studies*, 25(1), 105-132.
- Ishak Shari. (1990). *Ekonomi nelayan: Pengumpulan modal, perubahan teknologi dan pembezaan ekonomi*. Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kalikoski, D., & Franz, N. (2014). Strengthening organization and collective action in fisheries – A way forward implementing the international guidelines for securing sustainable small-scale fisheries. *FAO Workshop: FAO Fisheries and Aquaculture Proceedings*, No. 32:168. Rome: Italy.
- Maguire, M., & Delahunt, B. (2017). Patron, clients and policies: Patterns of democratic accountability and political competition. *Journal of Teaching and Learning in Higher Education*. 8(3), 1-10.
- Othman, N. (2019). *Transformasi peranan juragan kepada juragan-pengusaha dalam industri perikanan: Kajian kes di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), Semenanjung Malaysia*. (Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Othman, N., Abdul Latip, A. R., & Sa'at, N. H. (2019a). Fasa peralihan nelayan laut dalam serta kesan ke atas ekonomi, sosiobudaya

- dan persekitaran. *Akademika*, 89(2), 169-185, <https://doi.org/10.17576/akad-2019-8902-13>
- Othman, N., Abdul Latip, A. R., & Sa'at, N. H. (2019b). Evolution of skipper-entrepreneur in the fishing industry in Malaysia. *Journal of Nusantara Studies* 49(1), 112-135.
- Othman, N., & Sa'at N. H. (2018). Deep sea skipper in the fishing industry in Kelantan and Terengganu, Peninsular Malaysia. *Southeast Asian Social Science Review* 3(1), 163-179.
- Porra, J., Hirschhiem, R., & Park. (2014). The historical research method and informan systems research. *Journal of The Association for Informan Systems*, 15(9), 536.
- Saunders, B., Sim, J., Kingstone, T., Baker, S., Waterfield, J., Bartlam, B., Burroughs, H., & Jinks, C. (2018). Saturation in qualitative research: Exploring its conceptualization and operationalization. *Quality & Quantity*, 52(4), 1893–1907. <https://doi.org/10.1007/s11135-017-0574-8>
- Strauss, A., & Corbin, J. (1990). *Basics of qualitative research: Grounded theory and techniques*. Sage Publications.
- Sihombing, L., & Nugroho, S. (2018). Peranan kelompok nelayan dalam aktiviti pariwisata di Desa Kedongan Kuta, Bali. *Jurnal Destinasi Pariwisata*, 5(2), 294-300.
- Stirling, J. (2001). Thematic networks: Analytic for qualitative research. *Qualitative Research*, 1(3), 385-405
- Thanh, N. C & Thanh, T. L. (2015). The interconnection between interpretivist paradigm and qualitative methods in education. *American Journal of Education Science*, 1(2), 24-27
- Wan Hashim. (1990). *Komuniti nelayan di Pulau Pangkor: Beberapa aspek ekonomi dan sosial*. Dewan Bahasa dan Pustaka.